

15/11/2000

Lebih baik bermuhasabah daripada berdebat

Datuk Abdul Aziz Ahmad

SAYA mengambil kesempatan di sini, untuk menyatakan betapa risaunya hati melihat dan memikirkan beberapa masalah serius yang sedang dihadapi dan dialami orang Melayu sekarang.

Perkara lebih menggerunkan ialah apabila memikirkan kebanyakan masalah ini atau apa yang dikatakan 'krisis Melayu' ditimbulkan oleh orang Melayu sendiri.

Sebagai contohnya, saya, merujuk kepada soal hak Melayu. Disebabkan orang lain yang mempersoalkan hak orang Melayu, maka bangsa Melayu pun mula melenting. Akhirnya, orang Melayu sesama sendiri hendak berdebat apakah yang dimaksudkan dengan istilah dan makna hak Melayu itu.

Barangkali inilah yang dikehendaki sesetengah pihak untuk melihat orang Melayu bertengkar sesama sendiri mengenai soal itu. Mungkin nanti ada pula orang Melayu sendiri yang akan mempersoalkan hak ini.

Kita perlu ingat hak Melayu sudah ada pada orang Melayu sekurang-kurangnya 400 tahun dulu, sebelum penjajah ke sini untuk memusnahkan hak itu. Penjajah British cuba menghapuskan hak dan kedaulatan politik bangsa Melayu melalui muslihat Malayan Union. Jika tidak kerana kebangkitan seluruh rakyat Melayu di Tanah Melayu menentang 'projek' penjajah British ini, saya kira bangsa Melayu mungkin mengalami nasib sama dengan penduduk pribumi di Amerika yang kini disebut Red Indian. Tanah Melayu akan menjadi 'koloni' Inggeris seperti Hong Kong.

Berkat perjuangan bangsa Melayu, yang dipimpin pemimpin berani seperti Datuk Onn Jaafar dan beberapa orang lain yang berperanan di sebalik tirai, seperti Pak Za'ba yang mula membangkitkan semangat juang itu, Tanah Melayu akhirnya terpaksa dimerdekakan oleh penjajah Inggeris. Dengan itu, hak Melayu yang diwarisi sejak ratusan tahun lamanya, terselamat dan dikembalikan semula kepada orang Melayu.

Sayugia diingatkan, ketika orang Melayu seluruhnya bangkit menentang muslihat Malayan Union itu, kaum lain tidak sedikit pun memberikan sokongan mereka, malah ada bukti menunjukkan mereka cuba menggagalkan perjuangan itu dan cuba berpakat-pakat dengan pihak British.

Tetapi Melayu adalah bangsa yang sangat terkenal dengan sifat pelupa atau sifat bermaaf-maafan dan bertolak ansur. Kerana itulah selepas kemerdekaan, orang Melayu rela menerima kaum lain untuk bersama-sama membentuk kerajaan memerintahkan negara ini.

Sekarang kita perhatikan, selepas 43 tahun mencapai kemerdekaan, bangsa Melayu masih dianggap kaum yang belum maju dalam beberapa bidang, khususnya ekonomi, berbanding kemajuan kaum lain. Walhal banyak usaha dijalankan oleh kerajaan untuk membangunkan semula bangsa Melayu.

Pelbagai institusi ditubuhkan untuk membantu orang Melayu, misalnya, Mara, Uda, Felda, Felcra dan puluhan projek lain, misalnya Dasar Ekonomi Baru (DEB) diadakan semata-mata untuk memajukan bangsa Melayu supaya seiring kaum lain. Tetapi matlamat mencapai sekurang-kurangnya 30 peratus penyertaan Melayu dalam dunia korporat di negara ini tidak tercapai, sedangkan kaum lain terus maju. Kalau DEB dianggap sebagai dasar pro-Bumiputera, orang lain perlu menyedari DEB banyak menguntungkan kaum lain. Mereka untung melalui orang Melayu juga.

Wajah Melayu di Kuala Lumpur semakin malap. Selain bangunan Mara di Jalan Tuanku Abdul Rahman, tidak kelihatan wajah semaraknya perniagaan dan imej 'korporat Melayu' di ibu kota yang semakin maju. Tidak perlu saya ceritakan hal ini secara terperinci. Banyak orang Melayu tentu sudah

menyedari keadaan ini.

Jadi, daripada orang Melayu membuang masa dan memenatkan suara melaung-melaung membahaskan mengenai hak Melayu di khalayak umum, lebih baiklah orang Melayu duduk bertafakur dan melakukan proses muhasabah, memikirkan mengapakah keadaan orang Melayu di negara yang kaya, mewah dan bertuah ini, masih tidak setanding dengan kemajuan kaum lain, khususnya dalam bidang ekonomi dan perindustrian.

Orang Melayu mesti bertanya, mengapakah segala macam dasar, pertubuhan dan projek untuk menolong orang Melayu selama ini masih dikatakan tidak mampu mengangkat martabat ekonomi bangsa Melayu setaraf dengan ekonomi kaum lain?

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sendiri pernah berkata 'bangsa Melayu masih belum selamat lagi' di negeri ini. Gerun saya mendengar kata-kata Perdana Menteri.

Inilah isu yang patut difikirkan oleh orang Melayu. Jangan kita menang sorak, kampung tergadai - bahkan bukan kampung saja, mungkin negeri akan tergadai jika orang Melayu masih tidak insaf.

Maka dengan ini saya mengesyorkan orang Melayu menghentikan rancangan untuk mengadakan debat hak Melayu itu. Debat ini saya anggap bukan saja sia-sia, malah boleh mendatangkan kesan lebih buruk kepada imej orang Melayu di mata dunia. Ia boleh memecahbelahkan lagi bangsa Melayu, yang sekarang ini sudah mula berpecah.